Assalamua'laikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr.,

PEMBUKAAN PERMOHONAN BAGI PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH KERJASAMA TEKNIKAL DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI (SATREPS) ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN JEPUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Jepun telah memanjangkan permohonan kepada Kerajaan Malaysia untuk menyertai kerjasama teknikal dalam bidang sains dan teknologi bagi tahun kewangan 2019. Program ini bertujuan untuk mewujudkan platform kerjasama antarabangsa di kalangan negara-negara membangun bagi menangani isu global dalam bidang tersebut.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr., maklumat am dan syarat bagi permohonan ini adalah seperti berikut:

3.1 Permohonan adalah dengan menggunakan **borang sepertimana format Japan's Technical Cooperation** seperti di **Lampiran A** dan **perincian belanjawan MOE *Cost Proforma*** seperti di **Lampiran C**;

3.2 Permohonan bagi projek penyelidikan ini adalah **terhad kepada empat (4) bidang iaitu *Environtment/Energy*, *Bioresources, Disaster Prevention and Mitigation*** dan ***Infectious Diseases Control*.** Maklumat lanjut menegnai bidang permohonan boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang di alamat https://www.jst.go.jp/global/english/area_of_research.html ;

3.3 **Institusi Pendidikan Tinggi tempatan perlu mengenal pasti rakan kerjasama (*counterpart*) di Jepun.** Rakan kerjasama Jepun juga perlu mengemukakan permohonan dalam bidang kerjasama yang sama kepada Japan Science and Technology Agency (JST) di bawah Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT) Jepun di Tokyo. Rakan kerjasama bagi cadangan penyelidikan dalam bidang *Infectious Diseases Control* perlu mengemukakan permohonan kepada Japan Agency for Medical Research and Development (AMED);

3.4 **Tempoh projek** di bawah Kerjasama Teknikal SATREPS adalah antara **tiga (3) hingga lima (5) tahun**;

3.5 Maklumat lanjut berhubung **skop pembiayaan** kerjasama penyelidikan ini boleh dirujuk pada **item 8 (Expenses supported by JICA and by JST/AMED) di muka surat 3 Garis Panduan Kerjasama Teknikal (Needs Survey Guidance) SATREPS** di **Lampiran B**;

3.6 **Hanya permohonan lengkap dan menepati format permohonan yang dihantar kepada JPT melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan akan diperaku untuk penilaian seterusnya.**

4. Bersama-sama ini disertakan **Format Permohonan** seperti di **Lampiran A**, **perincian belanjawan MOE *Cost Proforma*** di **Lampiran C**, **Garis Panduan Kerjasama Teknikal (Needs Survey Guidance) SATREPS** di **Lampiran B** dan **Senarai Permohonan SATREPS 2019** seperti di **Lampiran D** untuk makluman dan tindakan YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr.

5. Dokumen permohonan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

Bil.	**Perkara**	**Keterangan**
1.	Borang Permohonan	1 salinan lembut (softcopy) dalam format pdf kepada emel seperti di para 5
		2 salinan keras (hardcopy)
2.	Perincian Belanjawan MoE *Cost Proforma*	1 salinan lembut (softcopy) dalam format excel kepada emel seperti di para 5
		2 salinan keras (hardcopy)
		1 salinan keras (hardcopy)

6. Semua permohonan perlu dikemukakan **sebelum atau pada 7 September 2018 (Jumaat) sebelum jam 11.00 pagi** kepada urus setia di PPI seperti berikut:

Dr. Azali Saudi
Timbalan Pengarah (Kecemerlangan dan Rundingan)
No. Telefon : 088-320000 samb. 613849, Emel : azali@ums.edu.my

atau

Pn. Audrey Rose Andrew
Penolong Pendaftar
No. Telefon : 088-320000 samb. 613809, Emel : audrey.rose@ums.edu.my

Sekian, terima kasih.